



MEMAHAMI IKAT JAMIN

SG
Courts

STATE
COURTS
SINGAPORE

Apa itu Ikat Jamin Mahkamah?

Ketika seorang tertuduh diberkas, selalunya mereka akan ditahan sehingga dihadapkan ke mahkamah.

Namun, seorang tertuduh boleh dibebaskan daripada tahanan jika sejumlah wang, yang dikenali sebagai ikat jamin, diberikan untuk memastikan bahawa orang yang diberkas tersebut akan hadir ke mahkamah.

Siapa itu seorang penjamin?

Seorang yang menjamin dikenali sebagai **penjamin**.

Penjamin tersebut bersetuju untuk memberikan cagaran bagi jumlah jaminan yang diarahkan oleh mahkamah.



Siapa yang boleh menjadi seorang penjamin?

- Warganegara Singapura atau penduduk tetap (kecuali dikhususkan sebaliknya oleh Mahkamah)
- 21 tahun ke atas
- Bukan seorang bankrap
- Tidak menghadapi tuduhan jenayah

Walaupun syarat-syarat di atas telah dipenuhi, mahkamah yang akan menentukan syarat-syarat ikat jamin dan yang akan membuat keputusan akhir tentang siapa yang boleh menjadi seorang penjamin.



Imbas kod QR untuk
menyemak kelayakan
anda sebagai penjamin

Tugas dan tanggungjawab seorang penjamin

Penjamin harus memastikan bahawa tertuduh menghadiri mahkamah dan mematuhi semua syarat-syarat jaminan. **Ini adalah tanggungjawab yang sangat serius.**

Jika tertuduh gagal untuk menghadiri mahkamah, penjamin akan diminta untuk menghadiri mahkamah dan memberikan penjelasan.

Penjamin **boleh** kehilangan kesemua wang atau harta benda peribadi yang dicagarkan.

Apa yang boleh diikrarkan sebagai cagaran jaminan?

Jaminan Wang Tunai

Mahkamah boleh mengarahkan penjamin untuk memberikan cagaran dalam bentuk wang tunai atau yang setara nilai wang tunai:

- PayNow menggunakan aplikasi telefon bimbit ibanking penjamin.
- Wang tunai boleh dibayar kepada mahkamah (sehingga \$50,000).
- Perintah juruwang (cashier's order) yang ditujukan pembayarannya kepada "Mahkamah Singapura" (Singapore Courts).

Apabila kes selesai atau apabila penjamin dibebaskan dan jumlah jaminan tidak dirampas oleh mahkamah, penjamin akan mendapat pulangan semula wang jaminan dalam masa **21 hari bekerja**.

Jaminan Bukan Wang Tunai

Mahkamah boleh mengarahkan penjamin untuk memberikan cagaran dengan mengikrarkan harta benda peribadi dan menunjukkan bukti bagi nilainya. Harta benda peribadi tersebut haruslah dimiliki oleh penjamin dan telah dibayar sepenuhnya.

Contoh-contoh termasuk:

- Barangan kemas
- Jam tangan
- Perabot
- Barangan elektrik
- Barangan rumah lain

Bagaimana cara untuk ikat jamin?

Langkah 1

Penjamin harus membawa dokumen-dokumen berikut dan failkan permohonan untuk menjadi seorang penjamin di **Pusat Jaminan (Aras 4) di Mahkamah Negara** pada waktu pendaftaran.

- Kad pengenalan atau Paspot Penjamin
- Paspot Tertuduh
- Dokumen-dokumen sokongan

Pendaftaran terakhir adalah pada:

Sesi PAGI

- 12.30 tengah hari dari Isnin hingga Jumaat

Sesi PETANG

- 5 ptg dari Isnin hingga Jumaat
- 4.30 ptg pada hari Jumaat

Langkah 2

Seorang pegawai di Pusat Jaminan akan:

- Menemu duga calon penjamin untuk memastikan dia memenuhi syarat-syarat jaminan;
- Menerangkan kepada calon penjamin tentang tugas-tugas seorang penjamin; dan
- Memeriksa dokumen-dokumen sokongan.

Langkah 3

Seorang Majistret kemudian akan menilai kesesuaian calon tersebut untuk menjadi seorang penjamin bagi tertuduh.

- Jika Permohonan Ikat Jamin Diluluskan:
Tertuduh akan dibebaskan daripada tahanan.
- Jika Permohonan Ikat Jamin Tidak Diluluskan:
Tertuduh akan kekal dalam tahanan sehingga penjamin yang sesuai dapat ditemukan.

Dokumen-dokumen Sokongan

Jaminan Wang Tunai

Akaun Simpanan

- Buku bank asli atau slip penyata atau e-penyata bank.
- Penjamin haruslah merupakan pemegang akaun tersebut.
- Jumlah tersebut tidak seharusnya jumlah yang telah digunakan sebagai cagaran.
- Akaun tersebut tidak seharusnya mempunyai aturan GIRO.
- Akaun tersebut harus dikemaskinikan sehingga tarikh permohonan ikat jamin dibuat.

Jumlah jaminan akan dibekukan oleh pihak bank sehingga kes selesai.

Simpanan Tetap

- Penjamin haruslah merupakan pemegang akaun tersebut.
- Akaun tersebut harus sah untuk digunakan selama 6 bulan daripada tarikh permohonan ikat jamin dibuat.
- Akaun tersebut tidak seharusnya akaun yang telah digunakan sebagai cagaran.
- Slip deposit asli harus diberikan di Pusat Jaminan.

Akaun Tetap Bersama atau Akaun Simpanan Bersama tidak boleh digunakan kecuali mahkamah mengizinkan dua penjamin untuk mengikat jamin. Kedua-dua pemegang akaun harus hadir di Pusat Jaminan untuk menandatangani bon jaminan.

Jaminan Bukan Wang Tunai

Penjamin tidak perlu menyerahkan harta benda tetapi harus mengisytiharkan kepada Mahkamah bahawa harta benda peribadi tersebut memenuhi jumlah jaminan.

Untuk maklumat lanjut tentang proses jaminan, sila akses pautan di bawah ini atau imbas kod QR:

<https://www.judiciary.gov.sg/criminal-post-bail>



Jika anda perlu berbual dengan seseorang, sila hubungi kami di 1800-JUSTICE.